



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### LAPORAN BERHUBUNG USIA BERSARA WAJIB OLEH YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

**KUALA LUMPUR, 9 April** - Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan umur bersara wajib daripada 60 tahun kepada 65 tahun seperti yang dinyatakan dalam laporan portal media The Star dan NST bertarikh 8 April 2017.

Kerajaan sentiasa bersifat terbuka dalam menerima cadangan dan pandangan tentang usia persaraan yang bersesuaian daripada ramai pihak.

Ia perlu diperhalusi kerana melibatkan pelbagai agensi dan perubahan polisi secara menyeluruh. Kajian secara mendalam perlu dilakukan kerana peningkatan usia bersara wajib baru sahaja diimplementasikan kepada 60 tahun pada Julai 2013.

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
9 April 2017